



AISHAH Ibrahim, Dzuwairi dan Dzulkhimi (kanan) menyiram air mawar ke pusara Allahyarham Dr. Ahmad Fawzi yang dikebumi di Tanah Perkuburan Islam Rahmat di Jitra, semalam.

Dr. Ahmad Fawzi selamat dikebumi

UM 25/05/05 5:4

JITRA 24 Mei — Jenazah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri yang meninggal dunia di Hospital Selayang, Selangor semalam akibat penyakit komplikasi jantung (*septicaemic shock*) selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Rahmat, di sini pagi ini.

Jenazah Allahyarham tiba di rumahnya di Taman Muhibah, Jitra pukul 4.30 pagi dan disembahyangkan di masjid Al Aqla dekat sini dengan diimamkan oleh Penyelaras Masjid-Masjid Kubang Pasu, Majid Din sebelum dikebumikan pada pukul 11.30 pagi ini.

Pegawai Khas Hal Ehwal Islam Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohd. Yusnaidi Md. Sabri membacakan talkin dan doa.

Isteri Allahyarham, Datin Aishah Ibrahim mendahului menyiram air mawar dan menabur bunga diikuti oleh keempat-empat anaknya, Dzulkhimi, Dzuwairi, Noor Ezdiani dan Noor Elyana.

Allahyarham meninggal dunia di Hospital Selayang pada pukul 4.51 petang semalam selepas setahun menderita penyakit tersebut.

Sultan Kedah yang juga Canselor UUM turut berangkat untuk memberikan penghormatan terakhir. Turut hadir ialah Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim.

Beberapa orang kenamaan yang turut menziarahi jenazah Allahyarham ialah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin; Ketua Pengarah Biro Tata Negara, Datuk Nordin Kardi; Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pembangunan Insan negeri, Datuk

Dr. Othman Ishak; wakil Menteri Besar, Datuk Wahab Din dan pegawai-pegawai kerajaan serta kakitangan UUM.

Hadir sama ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Syed Unan Mashri Syed Abdullah dan bekas Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Khalid Abdullah.

Allahyarham Ahmad Fawzi, 56, yang berasal dari Kampung Belanja Kiri, Parit, Perak dimasukkan ke Pusat Perubatan Kedah (KMC) pada 5 Januari lalu dan kemudiannya dipindahkan ke Hospital Selayang pada 26 Januari untuk rawatan lanjut.

Sementara itu, isteri Allahyarham, Aishah mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana bantuan yang diberikan sehingga jenazah selamat dikebumikan.

Beliau yang telah 31 tahun mendirikan rumah tangga dengan Allahyarham berasa bertuah dapat hidup bersama suaminya yang merupakan seorang yang sabar, jujur dan tabah menghadapi segala dugaan dalam hidup.

"Allahyarham menghembuskan nafas terakhirnya dalam keadaan tenang iaitu ketika tidur dan tidak sempat meninggalkan sebarang pesan buat saya mahupun anak-anaknya," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas selesai majlis pengkebumian di sini.

Jelas Aishah lagi, bagi meneruskan perjuangan suaminya, beliau akan cuba memenuhi hasrat dan impian Allahyarham yang termampu dilakukan memandangkan masih banyak usaha yang ingin dilaksanakan Allahyarham belum tercapai.